

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
**KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG**  
**15200 KOTA BHARU**  
**TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393**

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia [ keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan ] yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

**1. (a) Jawatan : Pegawai Hal Ehwal Islam (Pensyarah Qiraat) Gred S41**

- |     |                       |   |                            |
|-----|-----------------------|---|----------------------------|
| (b) | Klasifikasi           | : | Perkhidmatan Sosial        |
| (c) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Dan Profesional |
| (d) | Taraf Jawatan         | : | Kontrak                    |
| (e) | Jadual Gaji           | : | Gred S41                   |

Syarat-syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia.
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
  - (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2,078.00 ); atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : RM2,281.86 ).
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- dan (e)** Calon yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Takhassus dalam bidang Qiraat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau Jabatan Perkhidmatan Awam lebih diutamakan.

## **CARA MEMOHON**

- i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan (MUI)Kn. 1/93 dengan cara memuat turun dari laman sesawang MAIK [www.e-maik.my](http://www.e-maik.my), atau mengambil sendiri di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- ii) Permohonan dari pegawai sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan berserta Laporan Penilaian Prestasi Tahun 2018 / terkini dan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini.
- iii) Salinan sah sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, surat beranak serta surat berkaitan bersama gambar berukuran passport yang telah disahkan oleh pegawai perkhidmatan gred 41 dan ke atas hendaklah dikembarkan bersama borang permohonan.
- iv) Permohonan yang tidak mengikut peraturan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

## **ALAMAT PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut:

YABrs. Dr. Timbalan Yang DiPertua,  
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,  
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,  
15200 KOTA BHARU.

**SEBELUM ATAU PADA : 3 JUN 2019**

## **PERKARA AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.